

PM gesa DBKL selesaikan isu naik taraf Pasar Datuk Keramat

Kuala Lumpur: Datuk Seri Anwar Ibrahim menggesa Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) menyelesaikan kemelut pembangunan semula Pasar Datuk Keramat yang tertangguh sejak kira-kira enam tahun lalu.

Perdana Menteri berkata, masalah di Pasar Datuk Keramat yang dilihat daif, apabila DBKL memberi kawasan itu kepada syarikat pemaju untuk menaik taraf pasar berkenaan, namun ia gagal dilaksanakan mengikut tempoh ditetapkan.

“Saya sudah maklumkan kepada Ahli Parlimen Titiwangsa, Datuk Seri Johaei Abdul Ghani dan Datuk Bandar DBKL, Datuk Seri Kamarulzaman Mat Salleh


untuk ambil perhatian terhadap perkara ini,” katanya.

Beliau ditemui pemberita ketika meluangkan masa bertemu rakyat dan makan tengah hari di Medan Selera Jalan Raja Muda Abdul Aziz (TPCA), di sini semalam.

DBKL tebus semula tanah

Sementara itu, Johari yang juga Menteri Perladangan dan Komoditi ketika ditemui media, berkata syarikat pemaju terbabit tidak melaksanakan projek naik taraf pasar berkenaan, sekali gus DBKL tidak boleh meneruskan projek yang dirancang.

“Ini disebabkan syarikat pemaju sudah membayar kira-kira



Anwar meninjau keadaan Pasar Datuk Keramat, Kuala Lumpur, semalam.

(Foto ihsan PMO)

10 peratus nilai tanah di kawasan pasar terbabit. DBKL sebelum ini menjual tanah di kawasan itu kepada syarikat pemaju yang mahu membangunkan pasar berkenaan.

“Selepas saya jadi wakil ra-

kyat semula, saya desak DBKL untuk tebus semula kawasan ini,” katanya dan memaklumkan, pihak berkuasa tempatan (PBT) itu sudah menyelesaikan isu terbabit.

“Syarikat pemaju sudah me-

ngembalikan semula kawasan tanah berkenaan kepada DBKL dan juga sudah ambil semula wang pendahuluan. Kini terpujang kepada DBKL untuk menguruskan dan menaik taraf pasar berkenaan,” katanya.